



Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs (AIJBES)

Journal Website: <http://ajibes.com/>
eISSN: 2682-8545



FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KECENDERUNGAN PELAJAR DALAM MENJALANKAN PERNIAGAAN ATAS TALIAN

FACTORS INFLUENCING STUDENTS TENDENCY IN DOING ONLINE BUSINESS

Iklima Husna Abdul Rahim¹, Toh Pei Sung²

¹ Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (UMS), Malaysia
Email: iklima.husna@ums.edu.my

² Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (UMS), Malaysia
Email: tohpeisung@ums.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 03.11.2019

Revised date: 06.01.2020

Accepted date: 04.02.2020

Published date: 10.03.2020

To cite this document:

Rahim, I. H. A., & Toh, P. S. (2020). Faktor- Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar dalam Menjalankan Perniagaan atas Talian. Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs, 2 (3), 01-11.

DOI: 10.35631/AIJBES.23001.

Abstrak:

Perniagaan atas talian telah menjadi satu fenomena dalam kalangan peniaga khususnya pada masa kini. Dengan pelbagai aplikasi yang dapat diakses melalui internet, ia menjadikan sesebuah perniagaan itu berkembang secara lebih global. Kelebihan yang ada sekarang ini juga memudahkan pembeli dalam urusan pembelian berbanding membeli secara terus di premis-premis perniagaan dimana ia dapat menjimatkan masa pembeli. Justeru itu, para pelajar di institut pengajian tinggi juga tidak ketinggalan dalam menggunakan kelebihan tersebut untuk menjalankan perniagaan atas talian sebagai sumber wang tambahan. Hal ini kerana perniagaan atas talian tidak memerlukan kos yang tinggi untuk diceburi dan tetap boleh dilakukan walaupun pelajar tidak mempunyai premis perniagaan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menjalankan perniagaan atas talian. Rekabentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif dimana instrumen kajian menggunakan soal selidik dengan skala Likert 5 mata. Soal selidik telah diedarkan secara atas talian (*online survey*) melalui Google Forms kepada responden. Responden kajian melibatkan 114 orang pelajar program keusahawanan di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 21.0. Kecenderungan pelajar dalam menjalankan perniagaan atas talian ini diukur berdasarkan tiga faktor iaitu sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa nilai min bagi ketiga-tiga faktor tersebut berada pada tahap tinggi. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal mempengaruhi pelajar untuk cenderung menjalankan perniagaan atas talian.

Kata Kunci:

Kecenderungan, Perniagaan Atas Talian, Keusahawanan, Pelajar

Abstract:

Nowadays, online business has become a phenomenon among traders. The business can grow globally with the wide range of applications that can be accessed through the internet. The advantages that exist today also can facilitate buyer in the purchasing process than purchase directly at the business premises where it can save buyers' time. Hence, students in higher education institutions also are not lagging on the benefits of running an online business as an additional source of income. This is because online business does not require high costs to involve and can be done even if the students has no business premises. Therefore, this study aimed to identify factors that influence students in doing online business. The research design is a quantitative study in questionnaires are used as instrument with 5-point Likert scale. The questionnaires were distributed online to the respondents through Google Form. Respondents involved 114 students in entrepreneurship program at the Faculty of Business, Economics and Accounting, University Malaysia Sabah. Data were analyzed using Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 21.0. Students' tendency to do business online is measured by three factors, namely, source of encouragement, technology facilities and personal tendencies. The results show that the mean value of these three factors are at high level. Hence, it can be concluded that the source of encouragement, technology facilities and personal tendencies influence the students' tendency to do business online.

Keywords:

Tendency, Online Business, Entrepreneurship, Student

Pengenalan

Sabtu tahun, dapat dilihat semakin banyak institusi pengajian tinggi samada swasta mahupun awam yang ditubuhkan di seluruh dunia bagi membolehkan anak-anak muda lepasan sekolah menengah melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi dengan harapan mereka dapat menamatkan pelajaran dengan jayanya dan seterusnya memenuhi jawatan atau kekosongan kerja yang terdapat di negara masing-masing. Negara Malaysia juga tidak ketinggalan dengan lambakan institusi pengajian tinggi ini yang semakin banyak seperti 'cendawan yang tumbuh selepas hujan'. Tidak dinafikan dengan pertambahan institusi pengajian tinggi ini memudahkan dan memperluaskan peluang anak-anak muda lepasan sekolah menengah untuk mencapai cita-cita masing-masing selepas tamat belajar nanti. Namun begitu, masalah pengangguran menjadi igauan ngeri dan kebimbangan kepada graduan pada hari ini disebabkan kesukaran mendapatkan pekerjaan. Malahan, lebih teruk lagi jumlah pengangguran ini dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun (Nor Aishah 2002; Norasmah 2004).

Pada tahun 2017, seramai 54,103 siswazah universiti menganggur dalam tempoh enam bulan selepas mereka menamatkan pengajian masing-masing dimana jumlah tersebut adalah berdasarkan kepada Sistem Kajian Pengesahan Graduan (SKPG) yang menyaksikan 238,187 siswazah menamatkan pengajian pada tahun itu. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia pada suku pertama 2019, negara merekodkan seramai 516,600 penganggur dimana seramai 238,286 adalah penganggur yang terdiri daripada siswazah yang mana 174,327 siswazah mendaftar sebagai pencari kerja aktif dengan JobsMalaysia di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK)

Semenanjung. Jabatan Perangkaan Malaysia turut melaporkan bahawa pada April 2019 pula, kadar pengangguran kekal 3.4 peratus bagi dua bulan berturut-turut dimana bilangan penganggur adalah seramai 523, 300 orang, iaitu naik 0.4 peratus berbanding bulan sebelumnya. Hal ini cukup memberi kebimbangan kepada negara kerana jumlah pengangguran boleh terus meningkat sekiranya ia tidak ditangani dengan segera. Sementara itu, seorang pensyarah Ekonomi dan Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Rusmawati Said berpendapat bahawa terdapat ketidakpadanan bekalan dan permintaan dalam pasaran pekerjaan yang mana ia membawa kepada pengangguran gologan belia yang tinggi. Beliau juga berkata, ia adalah disebabkan apa yang dikehendaki pihak majikan tidak dapat dipenuhi oleh golongan belia berikutan pekerjaan yang ditawarkan yang tidak bersesuaian selain dipengaruhi perkembangan teknologi yang sentiasa berubah-ubah (Berita Harian, 2018).

Justeru itu, usaha pembudayaan keusahawanan dalam kalangan rakyat Malaysia dilakukan oleh kerajaan di peringkat sekolah menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi untuk membentuk sikap pelajar sebagai pencipta pekerjaan yang berpotensi dan bukan hanyalah pencari kerja (Zaidatol et al. 2002). Ia selari dengan dapatan Shahrin & Norsila (2007) yang menyatakan bahawa bidang keusahawanan sedang rancak diperkembangkan di Malaysia melalui pendidikan iaitu selaras dengan usaha untuk menjadikan bidang ini antara bidang kerjaya yang diminati. Hal ini kerana keusahawanan merupakan satu bidang yang penting bagi sesebuah negara kerana dapat menghakis budaya makan gaji disamping dapat membantu membangunkan ekonomi sesebuah negara. Menurut Kuratko & Hodgetts (2004) dan Frederick et al. (2013) pula, negara yang mempunyai ramai usahawan adalah lebih maju ke hadapan dalam perkembangan ekonominya. Oleh itu, dapat dilihat bahawa langkah kerajaan mendedahkan bidang keusahawanan kepada para pelajar ini dapat membantu mereka untuk bermula apabila tamat pengajian dan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran negara.

Pendedahan kepada keusahawanan yang dilaksanakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi ini telah memberi impak yang positif kepada para pelajar dimana dapat dilihat mereka mula berjinak-jinak dengan dunia perniagaan sebagai salah satu sumber pendapatan atau untuk mendapatkan wang tambahan semasa mereka masih dalam pengajian mahupun selepas menamatkan pengajian. Menurut Sabariah, Faizatul & Siti Fatimah (2012), para pelajar mula menjalankan anjakan paradigma memilih perniagaan atau menjadi usahawan sekitar tahun 2008. Tambahan lagi, dengan kemunculan internet dan pelbagai teknologi yang ada pada masa kini telah memberikan satu kemudahan kepada para pelajar untuk menjalankan perniagaan atas talian sekaligus menarik minat mereka untuk memilih usahawan sebagai kerjaya. Hal ini kerana perniagaan atas talian dikatakan mendatangkan banyak manfaat iaitu perniagaan dapat dilaksanakan tanpa menyediakan premis, tidak perlu menggaji pekerja, menjimatkan kos, mudah dan pelajar bebas menentukan saiz perniagaan mengikut keupayaan mereka (Nor Syahilia & Faizatul Hafilah, 2017; Sabariah et al. 2012). Ia selari dengan kajian daripada Amy Amira, Safura & Mohammed Rizki (2018) yang menyatakan bahawa perniagaan secara atas talian dapat mengurangkan banyak kos operasi seperti sewaan premis serta bayaran utiliti disamping ia dapat menembusi pasaran global dengan lebih pantas. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar iaitu sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal dalam menjalankan perniagaan atas talian.

Kajian Kesusasteraan

Keusahawanan

Keusahawanan telah dianggap sebagai manfaat penting yang disedari oleh ahli perniagaan dalam keseluruhan pembangunan ekonomi negara (Brinda & Dileep, 2011). Ianya selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Wennekers & Thurik (1999), Carree & Thurik (2003) dan Rasmussen & Sorheim (2006) yang menjelaskan bahawa keusahawanan, melalui penciptaan usaha niaga baru atau mengambil alih firma sedia ada telah dikenalpasti sebagai salah satu enjin utama pertumbuhan ekonomi. Penjelasan ini disokong oleh Yeng Keat & Shuhymee (2012) yang menyatakan bahawa keusahawanan telah menjadi agenda utama di negara ini dengan pengenalan program keusahawanan dan mekanisme yang menampung pembangunan aktiviti keusahawanan. Program dan mekanisma sedemikian berharap dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang seterusnya akan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak. Ia selari dengan kajian Muhamad Fadir (2012) dimana penglibatan masyarakat untuk bekerja dalam bidang keusahawanan dilihat dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara serta mewujudkan peluang pekerjaan yang seterusnya mampu membantu mengurangkan kadar pengangguran di sebuah negara.

Kecenderungan

Kecenderungan atau minat keusahawanan digambarkan sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi individu untuk meneruskan sesuatu usaha keusahawanan (Hisric, Peters & Shaphard 2008). Menurut Mohd Shahrir (2015) pula, kecenderungan merujuk kepada minat atau keinginan seseorang pelajar itu untuk menceburi bidang keusahawanan. Dapatan Yusof & Sapiah Bohari (2005) menyatakan bahawa kurangnya minat akan mempengaruhi kesungguhan seseorang dan seterusnya akan merendahkan prestasi pencapaiannya dalam sesuatu bidang. Ianya selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Nooraini & Siti Soleha (2009) yang menjelaskan bahawa minat atau kecenderungan ialah pengaruh utama dan menjadi asas kepada seseorang dalam menceburi bidang keusahawanan. Penyataan ini disokong oleh Mazlina & Maitilee (2015), dimana kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan adalah sangat penting untuk mempromosikan keusahawanan di peringkat kebangsaan, terutamanya untuk menggalakkan graduan dan belia terlibat dalam bidang ini dan menjadikannya sebagai kerjaya mereka.

Perniagaan Atas Talian

Perniagaan atas talian merupakan satu bentuk perdagangan elektronik yang membolehkan penjual untuk menjual barang-barang atau perkhidmatan kepada pembeli melalui internet secara terus tanpa melibatkan orang tengah atau perantara. Kini pembeli boleh membeli dalam talian menggunakan rangkaian komputer dan peranti yang berlainan, termasuklah komputer meja, komputer riba, tablet dan telefon pintar. Menurut Rayport dan Sviokla's (1995), perniagaan atas talian atau dikenali sebagai pembelian secara 'online' merupakan konsep perniagaan di pasaran maya. Mereka menyatakan terdapat salah satu cara bagaimana pasaran maya mampu berkembang antaranya adalah wujud transaksi antara penjual dan pembeli tanpa perlu wujud premis perniagaan. Walaubagaimanapun ia tetap memerlukan modal perniagaan, barang perniagaan dan juga promosi untuk barang yang diniagakan. Selain itu, perniagaan atas talian bermaksud mengeksplorasi teknologi dan aplikasi untuk menghubungkan sistem perniagaan yang kritikal secara terus kepada pelanggan, pekerja dan pembekal melalui intranet tidak kira saiz, lokasi dan jenis perniagaan (Sabariah et al. 2012).

Sumber Dorongan

Sumber dorongan merupakan motivasi untuk melaksanakan atau mencapai sesuatu (Salmianti Mutualib 2015). Yep Putih (1985) menjelaskan bahawa sumber dorongan merupakan motivasi atau desakan yang kuat pada seseorang untuk menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, sumber dorongan juga boleh didefinisikan sebagai keinginan yang keras pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Tanpa dorongan atau motivasi, seseorang itu tidak akan bersemangat atau berupaya untuk meneruskan perjuangan dalam bidang kerjaya yang diceburinya. Penyataan ini disokong oleh kajian Birley & Westhead (1994) yang menyatakan bahawa dorongan atau motivasi keusahawanan dapat disama ertikan sebagai dorongan atau desakan yang kuat untuk menjadi usahawan. Selain itu, sumber dorongan juga dapat dikatakan sebagai pengaruh persekitaran yang terdiri daripada rakan sebaya, keluarga, agensi dan lain-lain yang boleh mempengaruhi tindakan seseorang individu untuk bertindak balas secara positif atau sebaliknya (Ajzen 1991, 2002).

Kemudahan Teknologi

Kemudahan teknologi yang semakin berkembang pesat pada hari ini telah memberi banyak kebaikan kepada setiap individu dimana ia memudahkan urusan masing-masing dalam kehidupan seharian. Kemudahan teknologi seperti komputer riba, telefon pintar, internet, media sosial, laman web dan sebagainya telah memberi satu kelebihan kepada seseorang untuk mereka menjalankan perniagaan secara atas talian. Kelebihan kemudahan teknologi yang ada pada hari ini iaitu menjimatkan kos dan tidak memerlukan premis perniagaan telah memberi galakan kepada seseorang untuk bermula. Menurut Amy et al. (2018), peniaga dapat meluaskan perniagaan mereka dari pasaran tempatan ke pasaran nasional dan global dengan adanya internet. Peniaga secara atas talian dapat membuat promosi produk jualan mereka dengan mudah dan pantas iaitu mengiklankan setiap produk menggunakan kemudahan internet. Pernyataan ini disokong oleh Norazila Mat, Nurmaizura Marzuki, Jamsari Alias & Nur Atiqah Abdullah (2016) yang menyatakan bahawa pelajar didapati kerap melayari internet di kolej kediaman masing-masing disebabkan kemudahan perkhidmatan akses internet yang laju yang disediakan di tempat berkenaan dan seterusnya membuka ruang dan peluang seluas-luasnya kepada mereka untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan atas talian.

Kecenderungan Personal

Menurut Fini (2009), kecenderungan personal merujuk kepada tahap keinginan seseorang mengikuti kerjaya usahawan atau bermaksud keinginan untuk mencipta nilai baru dalam perniagaan yang sedia ada. Folkman & Lazarus (1984) pula mendefinisikan kecenderungan personal sebagai daya tindak iaitu satu usaha individu untuk mengendalikan keadaan atau situasi yang melebihi tahap penyesuaian. Ianya selari dengan kajian Compas (1987) yang menyatakan bahawa faktor personal boleh berbentuk tingkah laku atau pemikiran yang dilakukan dan difikirkan oleh seseorang. Selain itu, kecenderungan personal juga merujuk kepada sikap seseorang individu sama ada positif atau negatif membuat keputusan terhadap sesuatu bidang yang ingin diceburinya (Ajzen 1991, 2002). Ia selari dengan dapatan Kalafatis et al. (1999) dan Linan et al. (2007) yang menegaskan bahawa tarikan personal terhadap jumlah hasil yang dijangkakan diambil kira memungkinkan niat atau hasrat seterusnya kearah kecenderungan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan soal selidik dengan skala Likert 5 mata sebagai instrumen kajian. Soal Selidik yang digunakan telah diedar secara atas talian (*Online survey*) melalui *Google Forms* kepada sasaran responden. Sampel kajian ini terdiri daripada

114 orang pelajar program keusahawanan di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah. Secara amnya, borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden kajian terdiri daripada 4 bahagian utama iaitu latar belakang, pembolehubah kecenderungan pelajar iaitu sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal. Soal selidik yang digunakan di dalam kajian ini adalah soal selidik yang diambil daripada soalan soal selidik kajian Sabariah, Faizatul & Siti Fatimah (2012). Data yang telah dikumpul daripada borang soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer iaitu IBM SPSS statistik versi 21.

Responden di dalam sampel kajian ini adalah terdiri daripada pelajar prorgram keusahawanan tahun 2 daripada Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah. Pemilihan responden yang terdiri daripada pelajar tahun 2 adalah kerana mereka telah terdedah dengan subjek keusahawanan dan e-dagang di mana mereka telah terdedah dengan perniagaan atas talian. Responden terdiri daripada 69 orang pelajar perempuan dan 45 orang pelajar lelaki. Penilaian terhadap kecenderungan mereka untuk mencebur diri dalam perniagaan atas talian ini dinilai daripada tiga aspek iaitu sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal. Ketiga-tiga aspek ini telah dianalisis menggunakan kaedah statistik deskritif. Kaedah ini digunakan untuk menerangkan min bagi mengukur kecenderungan pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan atas talian.

Dapatan

Analisis Pengaruh Faktor Sumber Dorongan, Kemudahan Teknologi dan Kecenderungan Personal Terhadap Kecenderungan Menjalankan Perniagaan Atas Talian

Jadual 1 dibawah menunjukkan keputusan min keseluruhan yang diperoleh berdasarkan pemboleh ubah yang dikaji iaitu sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi pemboleh ubah sumber dorongan adalah 4.03, pemboleh ubah kemudahan teknologi pula adalah 4.04 dan bagi pemboleh ubah kecenderungan personal adalah 4.09. Ketiga-tiga nilai min bagi setiap pemboleh ubah menunjukkan min keseluruhan masing-masing berada pada tahap tinggi. Penentuan nilai min ditentukan melalui interpretasi skor min seperti Jadual 2 untuk menentukan sama ada sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal berada pada tahap rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi atau tinggi. Oleh itu, secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa faktor sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal berada pada tahap yang tinggi dalam mempengaruhi pelajar program keusahawanan untuk cenderung menjalankan perniagaan atas talian. Jadual 3, 4 dan 5 memberi maklumat secara terperinci mengenai min bagi setiap item bagi ketiga-tiga faktor iaitu sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal dalam mempengaruhi kecenderungan menjalankan perniagaan atas talian.

Jadual 1: Analisis Pengaruh Faktor Sumber Dorongan, Kemudahan Teknologi dan Kecenderungan Personal Terhadap Kecenderungan Menjalankan Perniagaan Atas Talian

Faktor	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi Skor
Sumber Dorongan	4.03	0.788	Tinggi
Kemudahan Teknologi	4.04	0.764	Tinggi
Kecenderungan Personal	4.09	0.748	Tinggi

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber : Nunally (1978); Jamil (2002); Haryati et al. (2013)

Analisis Pengaruh Faktor Sumber Dorongan Terhadap Kecenderungan Menjalankan Perniagaan Atas Talian

Berdasarkan Jadual 1, min keseluruhan untuk pemboleh ubah sumber dorongan adalah 4.03. Analisis ini menunjukkan responden bersetuju bahawa sumber dorongan utama mereka ialah keinginan membantu keluarga kerana min yang ditunjukkan adalah 4.68 iaitu yang tertinggi berbanding faktor dorongan yang lain. Item rangsangan kejayaan orang lain sebagai usahawan menunjukkan min iaitu 4.27 manakala item menyediakan bantuan kemudahan asas kepada usahawan belia dan item memperoleh peluang untuk bermula menunjukkan min yang sama iaitu 4.10. Item seterusnya ialah ingin cepat kaya dan hidup mewah mencatatkan min iaitu 3.75 manakala item galakan dari agensi kerajaan dan swasta mendorong minat pelajar menjalankan perniagaan atas talian menunjukkan min iaitu 3.71. Item pengaruh rakan sebaya menunjukkan catatan min yang terendah iaitu 3.60.

Jadual 3: Analisis Pengaruh Faktor Sumber Dorongan Terhadap Kecenderungan Menjalankan Perniagaan Atas Talian

Item	Min
Ingin cepat kaya dan hidup mewah	3.75
Keinginan membantu keluarga	4.68
Rangsangan kejayaan orang lain sebagai usahawan	4.27
Pengaruh rakan sebaya	3.60
Memperoleh peluang untuk bermula	4.10
Galakan dari agensi kerajaan dan swasta mendorong minat pelajar menjalankan perniagaan atas talian	3.71
Menyediakan bantuan kemudahan asas kepada usahawan terutama usahawan belia	4.10
Keseluruhan	4.03

Analisis Pengaruh Kemudahan Teknologi Terhadap Kecenderungan Menjalankan Perniagaan Atas Talian

Berdasarkan jadual 2, min keseluruhan untuk pemboleh ubah kemudahan teknologi ialah 4.04. Analisis ini menunjukkan bahawa kemudahan teknologi maklumat membantu mewujudkan rangkaian perniagaan atas talian lebih cepat dan ini telah menjadi faktor utama dalam mempengaruhi kecenderungan menjalankan perniagaan dengan min yang tertinggi daripada faktor lain iaitu 4.41. Mod pengiklanan yang menarik dan mudah untuk diaplikasikan oleh pelajar merupakan faktor yang seterusnya mempengaruhi kecenderungan menjalankan perniagaan atas talian iaitu 4.32. Min yang ketiga tertinggi ialah terdapat pelbagai platform perniagaan atas talian yang percuma iaitu 4.21. Kepelbagaiannya kemudahan teknologi pada masa kini mempu di miliki oleh pelajar menunjukkan min iaitu 4.07. Item talian jalur lebih mudah dicapai setiap lapisan masyarakat menunjukkan min 3.62 dan seterusnya item saya mempunyai pengetahuan

dalam mengendalikan program-program perkomputeran menunjukkan min terendah iaitu 3.41. Min keseluruhan bagi analisis pengaruh kemudahan teknologi terhadap kecenderungan menjalankan perniagaan atas talian ialah 4.04.

Jadual 4: Analisis Pengaruh Kemudahan Teknologi Terhadap Kecenderungan Menjalankan Perniagaan Atas Talian

Item	Min
Saya mempunyai pengetahuan dalam mengendalikan program-program perkomputeran	3.41
Talian jalur lebar lebih mudah dicapai bagi setiap lapisan masyarakat	3.62
Kepelbagaiannya kemudahan teknologi pada masa kini mampu dimiliki oleh pelajar	4.07
Kemudahan teknologi membantu mewujudkan rangkaian perniagaan atas talian lebih cepat	4.41
Terdapat pelbagai platform perniagaan atas talian yang percuma	4.21
Mod pengiklanan yang menarik dan mudah untuk diaplikasikan oleh pelajar	4.32
Keseluruhan	4.04

Analisis Pengaruh Kecenderungan Personal Terhadap Kecenderungan Menjalankan Perniagaan Atas Talian

Salah satu faktor yang mempengaruhi kecenderungan menjalankan perniagaan atas talian adalah pengaruh kecenderungan personal. Jadual 3 menunjukkan analisis min bagi setiap item dibawah kecenderungan personal. Analisis menunjukkan saya berminat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi peluang dan sumber yang diperlukan merupakan min tertinggi iaitu 4.62. Item kedua tertinggi ialah saya akan bersungguh-sungguh untuk mengendalikan perniagaan saya iaitu 4.58. Item seterusnya munjukkan min 4.34 ialah ahli keluarga dan rakan sebaya yang memberi dorongan kepada saya dalam menjalankan perniagaan. Item permintaan pelanggan yang tinggi secara atas talian menimbulkan minat untuk mencari bidang keusahawanan menunjukkan min iaitu 4.18. Diikuti item saya bersedia untuk melakukan apa sahaja untuk menjadi seorang usahawan iaitu 4.13. Bagi item menjadi usahawan atas talian akan memberikan saya kepuasan dan item saya tahu selok belok yang diperlukan untuk memulakan perniagaan atas talian masing-masing mencatatkan min 3.96 dan 3.56. Manakala item adalah amat sukar bagi saya untuk mencari idea perniagaan atas talian menunjukkan min terendah iaitu 3.35. Min keseluruhan bagi pengaruh kecenderungan personal terhadap kecenderungan menjalankan perniagaan atas talian di kalangan pelajar keusahawanan ialah 4.09.

Jadual 5: Analisis Pengaruh Kecenderungan Personal Terhadap Kecenderungan Menjalankan Perniagaan Atas Talian

Item	Min
Saya bersedia untuk melakukan apa sahaja untuk menjadi seorang usahawan	4.13
Saya berminat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi peluang dan sumber yang diperlukan	4.62
Saya akan bersungguh-sungguh untuk mengendalikan perniagaan saya	4.58
Ahli keluarga dan rakan sebaya yang memberi dorongan kepada saya dalam menjalankan perniagaan	4.34

Adalah amat sukar bagi saya untuk mencari idea perniagaan atas talian	3.35
Permintaan pelanggan yang tinggi secara atas talian menimbulkan minat untuk menceburi bidang keusahawanan	4.18
Saya tahu selok belok yang diperlukan untuk memulakan perniagaan atas talian	3.56
Menjadi usahawan atas talian akan memberikan saya kepuasaan	3.96
Keseluruhan	4.09

Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar program keusahawanan untuk cenderung menjalankan perniagaan atas talian. Faktor yang diukur di dalam kajian ini adalah sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal. Nilai keseluruhan min bagi faktor sumber dorongan menunjukkan bahawa ia berada pada tahap yang tinggi dalam mempengaruhi pelajar menjalankan perniagaan atas talian di mana ia selari dengan dapatan Zairon, Mohd Yusof & Abdul Halim (2016) yang menyatakan bahawa sumber dorongan mempengaruhi pelajar Kolej Komuniti dalam menjalankan perniagaan. Selain itu, dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian terdahulu iaitu Tsogas (1999) & Linan et al. (2009) yang menjelaskan terdapat hubungan positif yang kuat antara sumber dorongan dengan kecenderungan menjalankan perniagaan atas talian.

Seterusnya, dapatan mendapati bahawa faktor kemudahan teknologi dan kecenderungan personal juga turut mempengaruhi pelajar menjalankan perniagaan atas talian berdasarkan min keseluruhannya yang berada pada tahap yang tinggi. Ia selari dengan dapatan Siti Hawa (2009) yang menyatakan bahawa kecenderungan personal mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar ijazah sarjana muda tahun akhir dalam bidang kejuruteraan. Namun, dapatan ini bertentangan dengan kajian Norasmah et al. (2002) dan Mohd Fauzi et al. (2007) yang menunjukkan tahap kecenderungan personal dalam mempengaruhi pelajar menceburi perniagaan masih di peringkat sederhana tinggi. Selain itu, Armanurah (2013) menjelaskan dalam kajiannya bahawa kemudahan sokongan seperti teknologi dapat membantu seseorang menjalankan perniagaan. Ia selaras dengan kajian Norazila et al. (2016) yang mendapati sumber sokongan seperti komputer dan internet mendorong siswazah untuk memulakan perniagaan atas talian.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga faktor iaitu sumber dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personal mempengaruhi pelajar program keusahawanan untuk cenderung menjalankan perniagaan atas talian. Dapatan kajian ini merupakan satu dapatan yang cukup memberangsangkan serta memberikan petunjuk bahawa pelajar-pelajar program keusahawanan mempunyai potensi yang besar untuk dilatih dan didedahkan dengan perniagaan yang berasaskan teknologi dan internet. Walaubagaimanapun, kecenderungan sahaja tidak mencukupi bagi melahirkan seorang usahawan yang berjaya kerana ciri-ciri seorang usahawan mestilah sanggup menanggung risiko, kreatif, berpendirian, pencapaian kendiri dan kawalan dalam diri (Sabariah 2012). Oleh itu, pelbagai usaha dan inisiatif perlu dipergiatkan oleh kerajaan untuk memastikan lebih ramai graduan memilih kerjaya sebagai usahawan sekaligus melahirkan lebih ramai usahawan muda yang dinamik dan berdaya saing.

Rujukan

- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.

- Ajzen, I. (2002). Perceived Behavioral control, Self-Efficacy, Locus of Control, and The Theory of Planned Behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, 32(4), 665-683.
- Amy Amira Mohammad Azmi, Safura Ahmad Sabri & Mohammed Rizki Moi (2018). Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018. pp. 341-150.
- Armanurah Mohamad (2013). *Pemupukan Pemikiran, Kemahiran dan Sikap Keusahawanan dalam Kalangan Bekas Peserta Program Siswaniaga Universiti Utara Malaysia: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Birley, S & Westhead, P. (1994). A Taxonomy of Business Start-Up Reasons and Their Impact on Growth and Size. *Journal of Business Venturing*, 9: 7-31.
- Brinda K.P.R & Dileep K. M. (2011). Motivational factors, entrepreneurship and education. *Far East journal of psychology and business*.
- Compas, B.E. (1987). Coping with stress during childhood and adolescence. *Psychological Buletin*. 101, No. 3, 393-403.
- Fini R., Grimaldi, R., Marzocchi G.L., Sobrero M., (2009). The foundation of entrepreneurial intention, *Social Entrepreneurship & Entrepreneurship Research Study Group Meeting*, 6th March 2009, Case Western Reserve University, Cleveland, USA.
- Folkman, S. & Lazarus, R.S (1984). Coping and Adaptation. Dlm. Gentry, W. (pnyt.), *Handbook of Behavioral Medicine*: 44-68/ New York: Basic Books Inc.
- Hisrich, R.D., Peters, M.P & Shephard D.A. (2008). *Entrepreneurship (International Edition)*. Singapore: The McGraw-Hill Education Asia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2019).
- Linan, F & Chen Y.W (2009). Development and Cross-Cultural Application of a Specific Instrument to Measure Entrepreneurial Intentions. In *Entrepreneurship Theory and Practice*, 504-510.
- Kuratko, D. F. and R. M. Hodgetts (2004). *Entrepreneurship: Theory, Process and Practice*. Ohio, US, Thomson Learning.
- Mazlina Mustapha & Maitilee Selvaraju (2015). Personal Attributes, Family Influences, Entrepreneurship Education and Entrepreneurship Inclination among University Students. *Kajian Malaysia*. Vol 33 Supp. 1, pp. 155-172.
- Mohd Shahrir Abdullah (2015). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pelajar-Pelajar Diploma Kejuruteraan Politeknik dalam Menceburi Bidang Keusahawanan*. Laporan Projek. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Muhamad Fadir Ibrahim. (2012). *Cabar Golongan Belia Menceburi Keusahawanan: Kajian Kes: Parit Raja, Batu Pahat, Johor*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nabil Basaruddin (18 September 2018). Pengangguran belia tinggi kekal cabaran utama. Berita Harian Online. Diambil semula 7 Julai 2019, daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/09/475197/pengangguran-belia-tinggi-kekalkabaran-utama>.
- Nor Aishah Buang. (2002). *Asas Keusahawanan*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Nor Syahilia Aris & Faizatul Hafilah Abd Halim (2017). Persepsi Pengguna Terhadap Pembelian Secara Atas Talian. *Journal of Technical and Vocational Education*. Vol 1, No. 2, pp. 64-75.
- Nooraini Othman & Siti Soleha Misman (2009). *Persepsi Terhadap Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4SPH dalam Bidang Keusahawanan*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

- Norazila Mat, Nurmaizura Marzuki, Jamsari Alias & Nur Atiqah Abdullah (2016). Penglibatan Mahasiswa dalam E-dagang: Kajian Kes di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar* 19(2): 59-69.
- Norasmah Hj Othman (2002). *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah*. Tesis Dr. Fal. Universiti Putra Malaysia.
- Norasmah Hj Othman. (2004). *Bidang Keusahawanan: Satu Alternatif bagi Mahasiswa*. Dalam Abdul Razaq Ahmad. (pnjf). Mahasiswa Abad 21. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bab 16. Halaman 201-216.
- Ooi Yeng Keat & Shuhymee Ahmad (2012). A Study among University Students in Business Start-Ups in Malaysia: Motivations and Obstacles to Become Entrepreneurs. *International Journal of Business and Social Science*. Vol. 3, No. 19, pp. 181-192.
- Rayport & Sviokla's (1995). *Entrepreneurial Small Firm Use of Internet in Indonesia's Emerging Market*. retrieved from <https://www.atu.edu/jbaospring2005/AryantoJBAOSp2005.pdf>
- Sabariah, Faizatul & Siti Fatimah (2012). *Kecenderungan Pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Azlan Shah dalam Menjalankan Perniagaan Atas Talian*. Jabatan Perdagangan. Politeknik Sultan Azlan Shah.
- Salmianti Mutalib (2015). *Tinjauan Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Kolej Komuniti Bandar Penawar, Johor.
- Shahrin Hashim & Norsila Abdul Rahman (2007). *Kecenderungan Guru Pkpg (4SPH) Terhadap Bidang Keusahawanan*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Hawa Mohamed Idris (2009). *Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelajar Bidang Kejuruteraan di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Kawasan Utara Semenanjung Malaysia*. Projek Sarjana, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.
- Sistem Kajian Pengesanan Graduan (2017). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Wennekers, A. R. M. and Thurik, A. R. (1999), "Linking entrepreneurship and economic growth", *Small Business Economics*, 13: 27-55.
- Yep Putih (1985). *Keusahawanan Edisi Pertama*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof Boon & Sapiyah Bohari (2005). *Kesediaan Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan di kalangan Pelajar-Pelajar Bumiputera Tingkatan Empat di Tiga Buah Sekolah Sekitar Skudai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaidatol Akhmaliah Lope Pihie, Abd. Rahim Bakar & Mohd. Majid Konting (2002). Pelaksanaan pendidikan keusahawanan di Malaysia: Kesan terhadap aspirasi keusahawanan pelajar. Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Pertanika Sains Sosial dan Kemanusiaan* 10(1): 53-61.
- Zairon Mustapha, Mohd Yusof Tawang & Abdul Halim Ahmad (2016). Faktor yang Mempengaruhi Niat Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Malaysia. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 1, pp. 28-35.